

PANDEMIK COVID-19: CABARAN DAN IMPAK DALAM PENDIDIKAN ISLAM DAN PEMBELAJARAN MURID**[COVID-19 PANDEMIC: CHALLENGES AND IMPACT IN ISLAMIC EDUCATION AND STUDENT LEARNING]**SITI AISYAH IBRAHIM^{1*} KHADIJAH ABDUL RAZAK¹^{1*} Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.

Corespondent Email: p102556@siswa.ukm.edu.my

Received: 10 February 2021

Accepted: 19 March 2021

Published: 31 March 2021

Abstrak: Pandemik COVID-19 telah membawa suatu perubahan yang besar kepada dunia kini dalam pelbagai sektor dan industri. Antara perubahan besar yang terkesan akibat dari pandemik ialah sistem pendidikan sesebuah negara. Hal ini boleh dilihat melalui perubahan medium pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang dilaksanakan kini. Kini, sektor Pendidikan Islam di Malaysia turut memperlihatkan para guru Pendidikan Islam mengaplikasikan pengajaran dan pembelajaran secara atas talian semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Oleh itu, beberapa cabaran yang dihadapi oleh guru Pendidikan Islam dalam menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran telah dinyatakan. Justeru, kajian bagi penulisan ini menggunakan kajian kepustakaan dengan menganalisis dan menilai perbincangan dalam kandungan teks isu terkini dan kajian lepas. Hasil penulisan menunjukkan kesan yang besar akibat daripada pandemik COVID-19 terhadap sektor Pendidikan Islam dari aspek positif dan negatif dimana kesan dari aspek positif menunjukkan guru Pendidikan Islam telah dibuka ruang untuk menjadi lebih kreatif dan inovatif bagi menghasilkan bahan pengajaran dan pembelajaran atas talian manakala antara kesan negatif yang dijelaskan seperti keciciran murid dalam pembelajaran..

Kata kunci COVID-19, pembelajaran atas talian, cabaran COVID-19, guru, Pendidikan Islam, PDPR.

Abstract: The COVID-19 pandemic has brought a huge change to the world today in various sectors and industries. Among the major changes affected as a result of the pandemic is the education system of a country. This can be seen through the changes in the medium of teaching and learning (PdP) that are implemented now. Currently, the Islamic Education sector in Malaysia also shows Islamic Education teachers applying online teaching and learning during the teaching and learning process. Therefore, some of the challenges faced by Islamic Education teachers in carrying out the teaching and learning process have been mentioned. Thus, the study for this writing uses a literature review by analyzing and evaluating the discussions in the text content of current issues and past studies. The results of the writing show a large impact as a result of the COVID-19 pandemic on the Islamic Education sector from positive and negative aspects where the impact from positive aspects shows that Islamic Education teachers have opened space to be more creative and innovative to produce online teaching and learning materials. explained negatives such as student dropout in learning.

Keywords: COVID-19, online learning, COVID-19 challenges, teachers, islamic education, PDPR.

Cite This Article:

Siti Aisyah Ibrahim, Khadijah Abdul Razak. 2021. Pandemik Covid-19: Cabaran dan Impak Dalam Pendidikan Islam dan Pembelajaran Murid [Covid-19 Pandemic: Challenges And Impact in Islamic Education and Student Learning]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 1(1), 89-94.

PENGENALAN

Wabak Coronavirus 2019 yang dikenali sebagai COVID-19 adalah merupakan suatu penyakit baru disebabkan oleh sejenis virus iaitu Severe Acute Respiratory Syndrome Coronavirus 2 (SARS-CoV-2). Virus ini menjangkiti saluran pernafasan (Xuetao Cao, 2020). Wabak COVID-19 telah muncul pada bulan Disember tahun 2019 dan berasal dari Wuhan, China yang mana pada awal kemunculannya, wabak COVID-19 dikenali dunia sebagai Influenze Like Illness (ILI) yang lain. Namun begitu, wabak ini telah memberikan kesan yang sangat besar kepada dunia dimana virus SARS-CoV-2 ini menyebabkan wabak COVID-19 telah tersebar dengan begitu cepat dan meluas ke seluruh dunia bermula bulan Februari 2019 lagi dan ianya tidak dapat dikawal malah mampu membunuh ramai manusia dalam tempoh waktu yang singkat. Justeru, kesan daripada situasi tersebut telah menyebabkan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) secara rasmi mengistiharkan situasi ini sebagai pandemik (Jafri Malin Abdullah et al. 2020).

Kesan daripada situasi kini yang dihadapi oleh seluruh dunia akibat penularan wabak ini antaranya ialah kebanyakkan negara telah mengisyiharkan perintah berkurung bagi memutuskan rantaian penyakit COVID-19. Malaysia merupakan salah satu negara yang turut mengambil insiatif bagi mengatasi penularan wabak ini, dimana pentadbiran Malaysia telah mengisyiharkan Perintah Kawalan Pergerakan Malaysia (PKP) di seluruh negara pada 18 Mac 2020 (Rashid & Dorashid, 2020). Perintah Kawalan Pergerakan Malaysia (PKP) telah melalui lapan fasa yang terdiri daripada fasa pertama iaitu 18 Mac 2020 sehingga 31 Mac 2020, diikuti fasa kedua pada 1 April 2020 sehingga 14 April 2020, seterusnya, fasa ketiga pada 15 April 2020 sehingga 28 April 2020. Fasa keempat telah bermula pada 29 April sehingga 3 Mei 2020 kemudian diikuti Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) pada fasa kelima iaitu pada 4 Mei 2020 sehingga 11 Mei 2020 dan fasa keenam pada 12 Mei 2020 sehingga 9 Jun 2020 yang disertai dengan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) (Sharifah Rohayah Sheikh Dawood & Som, 2020). Sehingga kini, iaitu pada bulan Januari 2021, situasi di Malaysia masih lagi dalam keadaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP). Oleh yang demikian, kesan perintah kawalan pergerakan terhadap sistem pendidikan negara telah menjadikan sistem pendidikan konvensional sebelum ini berubah menjadi sistem pembelajaran atas talian dimana sistem pembelajaran atas talian kini menjadi pilihan utama oleh para pendidik. Keadaan ini berlaku apabila trend pendidikan masa kini telah diubah kepada transformasi baru teknologi maklumat iaitu aplikasi pembelajaran atas talian yang telah dinyatakan dalam perutusan khas Perdana Menteri ke-8 iaitu Tan Sri Muhyiddin Yassin dalam ucapannya mengenai penutupan sementara sektor pendidikan semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Oleh itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menyeru warga pendidik dan murid untuk terus berkomunikasi melalui pelantar atas talian sebagai alternatif pengajaran dan pembelajaran bagi membimbing murid dalam pembelajaran (Rafiee Jamian et al. 2020).

CABARAN DALAM PENGAJARAN GURU PENDIDIKAN ISLAM DAN PEMBELAJARAN MURID

Justeru, terdapat cabaran dan isu yang dihadapi oleh murid dan guru apabila pengajaran dan pembelajaran atas talian diaplikasikan sepanjang pandemik ini. Oleh itu, antara cabaran utama yang dihadapi oleh para guru dalam menggunakan pengajaran atas talian bagi pembelajaran murid adalah tiada capaian internet bagi murid mengikuti pembelajaran atas talian yang dikendalikan oleh guru. Hal ini disokong oleh pernyataan Zawiah Binti Bahrom (2020) yang menyatakan bahawa sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berlangsung, ramai pelajar lebih selesa menggunakan aplikasi “whatsApp” sahaja untuk mengikuti Proses Pengajaran dan Pembelajaran dari Rumah (PDPR) yang dijalankan oleh guru. Hal ini kerana terdapat sebilangan daripada mereka yang tidak mampu mengakses internet dengan stabil. Keadaan ini berlaku apabila capaian internet sukar diakses di kawasan tertentu seperti pedalaman, kampung atau desa serta kawasan yang mempunyai kadar capaian internet yang rendah.

Justeru, berikutan dengan masalah ini menyebabkan pelajar tidak dapat mengikuti pembelajaran dalam kelas secara atas talian dengan baik sekaligus menyebabkan pelajar mengalami keciciran dalam pembelajaran. Kenyataan Prof Madya Dr Mahizer Hamzah dan Anuar Ahmad dalam Ahmad Naim Tahir dan Ihsan Noorzali (2020) bahawa kemudahan infrastruktur dan infostruktur ini saling memerlukan dimana kegagalan diantara salah satu medium tersebut akan menyebabkan proses pembelajaran dalam talian tidak dapat dilaksanakan dengan baik. Berikutan dengan isu yang timbul akibat daripada capaian internet yang rendah bagi sebahagian pelajar, terdapat juga faktor-faktor lain yang dihadapi pelajar untuk mendapatkan capaian internet yang baik antaranya ialah faktor kemiskinan, konflik keluarga dan lain-lain. Penjelasan ini turut dijelaskan oleh Prof Madya Dr Azlin Norhaini Mansor (2020) yang merupakan pensyarah di Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia bahawa gangguan pembelajaran boleh terjadi atas faktor kemiskinan, konflik keluarga, media massa, sosial, agama, dan politik.

Selain daripada cabaran ini, terdapat juga cabaran lain yang dihadapi oleh guru pendidikan Islam untuk menarik perhatian pelajar terutama pelajar yang lemah serta kurang berminat dalam pembelajaran. Keadaan ini dijelaskan dalam pengajaran secara tasmik iaitu pengajaran bidang al-Quran yang melibatkan kaedah talaqqi musyafah dimana talaqqi pada istilah ialah pertemuan antara guru dan murid secara berhadapan atau bersemuka semasa sesi pengajaran dan pembelajaran asuhan tilawah al-Quran bahagian hafazan dan bacaan secara individu, kumpulan dan kelas. Musyafahah pula diertikan dalam bahasa dan istilah sebagai gerakan bibir atau sebutan yang diambil dari pergerakan dua bibir dimana guru menyebut huruf dan kalimah dalam ayat al-Quran dengan memberi penekanan kepada gerakan bibir (Siti Aisyah & Hafizhah, 2020). Oleh yang demikian, pemantauan bacaan secara tasmik dikatakan agak sukar untuk dilaksanakan kerana apabila guru berusaha menghubungi murid melalui panggilan telefon, mesej, aplikasi “whatsApp” dan telegram, sambutan atau respon yang ditunjukkan dari pelajar adalah kurang memberangsangkan. Keadaan ini menurut Arifah Prima dan Lis Prasetyo (2020), Lapada et. al (2020) dan Deepika Nambiar (2020) dalam Siti Nurbaizura Che Azizan (2020) yang menyatakan bahawa komunikasi dua hala antara pelajar dengan guru sukar untuk diwujudkan apabila terdapat masalah kepada guru untuk berinteraksi dengan pelajar. Menurut

Irfan Fauzi dan Iman Hermawan Sastra Khusuma (2020) dan Ramakanta dan Sonali (2020) dalam Siti Nurbaitura Che Azizan (2020) juga, murid tidak mengikuti proses PDPR yang dijalankan guru disebabkan tiada kerjasama dan sokongan yang diberikan daripada ibu bapa murid berkenaan. Isu-isu ini boleh menjelaskan proses pembelajaran murid untuk mendapatkan bimbingan dari guru dan tidak keciciran dalam pembelajaran.

Seterusnya, bagi cabaran lain yang dihadapi oleh guru Pendidikan Islam dalam menyampaikan pengajaran ialah guru tidak dapat memberi penerangan dengan lebih jelas dan praktikal. Hal ini penting kerana dalam pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran Pendidikan Islam terdapat beberapa bidang pengajian yang memerlukan penerangan yang jelas, praktikal dan pemantauan yang teliti iaitu pembelajaran amali secara praktikal seperti amali solat, mengambil wudhu', tayammum, solat jenazah dan lain-lain. Kesukaran pengajian yang melibatkan amali ini sebenarnya turut dirasai oleh matapelajaran bidang sains, komputer, kemahiran dan sebagainya kerana matapelajaran tersebut turut melibatkan amali yang disertai dengan penggunaan bahan-bahan radas dan kelengkapan yang lain. Justeru, disebabkan cabaran yang dihadapi oleh guru termasuklah guru Pendidikan Islam dalam menyampaikan pengajaran tanpa melibatkan amali dan praktikal, menjadikan pengajaran dan pembelajaran kurang berkesan. Keadaan ini boleh menimbulkan suatu keadaan yang membimbangkan kerana murid atau pelajar perlu menerima kefahaman sesuatu ilmu terutama dalam mata pelajaran Pendidikan Islam dengan cara yang betul agar ilmu yang diperolehi dapat dihayati dan diaplikasikan dalam kehidupan sehari-hari dengan cara yang baik dan betul..

IMPAK POSITIF PEMBELAJARAN ATAS TALIAN DARI PANDEMIK COVID-19

Selain daripada cabaran-cabaran dan isu yang didapati daripada pembelajaran atas talian yang dijalankan sepenuhnya dalam masa pandemik ini, terdapat kelebihan yang diperolehi kepada murid, guru Pendidikan Islam dan sektor Pendidikan Islam kini. Antara kelebihan yang diperolehi ialah menjadikan pengajaran guru dan pembelajaran murid membentuk suatu perisian yang melibatkan elemen pendidikan yang interaktif. Menurut Abd Hakim et al. (2018) dalam Hashim et al. (2020) yang menyatakan bahawa proses pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan teknologi dan berbentuk pengajaran interaktif, lebih diminati murid kerana pembelajaran interaktif tersebut bersifat kreatif, inovasi dan menarik malah boleh diakses di mana-mana sahaja.

Oleh itu, dengan adanya masa yang diperuntukkan oleh pihak kerajaan Malaysia bagi pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PDPR) yang menggunakan medium pembelajaran atas talian sepanjang PKP ini, ia sebenarnya merupakan suatu peluang kepada guru Pendidikan Islam untuk mengaplikasikan bermacam bentuk pembelajaran yang berbentuk interaktif dan inovatif. Hal ini kerana, sebelum pandemik berlaku, guru kurang berpeluang untuk menggunakan medium pengajaran dan pembelajaran atas talian ketika di sekolah. Kenyataan ini boleh dirujuk apabila para pelajar di sekolah tidak mempunyai akses internet sepenuhnya berbanding ketika di rumah. Hal ini boleh dijelaskan lagi dimana infrastruktur di sekolah iaitu di dalam kelas tidak mengandungi sistem pembelajaran yang berbentuk interaktif disebabkan infrastuktur atau kelengkapan sistem pembelajaran atas talian yang tiada di dalam kelas. Berikutnya penyataan tersebut, walaupun sekolah telah menyediakan makmal komputer, bilik ICT dan sebagainya, tetapi kemudahan tersebut adalah terhad dimana penggunaan untuk

pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik tersebut perlu dirujuk kepada jadual penggunaan yang perlu dikongsi oleh semua pelajar dalam sesebuah sekolah.

Seterusnya, kelebihan yang didapati hasil dari pembelajaran atas talian kepada guru Pendidikan Islam dan sektor Pendidikan Islam ialah penghasilan bahan-bahan interaktif bagi bahan pengajaran guru dalam skala yang banyak. Menurut Hashim et al. (2020), fenomena pembelajaran atas talian hasil dari pandemik ini telah mencetuskan satu gelombang baru kepada para pendidik secara umum. Hal ini ditunjukkan apabila para pendidik perlu berusaha menambah baik kemahiran dan penguasaan ilmu teknologi maklumat dan komunikasi mereka ke tahap yang lebih berkesan. Hashim et al. juga menyatakan, kesan dari pandemik ini menunjukkan perubahan yang besar dalam penggunaan teknologi digital dalam bidang pendidikan. Menurut Mulatsih (2020) bahawa kesan pembelajaran atas talian seperti aplikasi Youtube, Google Classroom, Google Drive, Google Form dan Quizizz dalam pembelajaran dapat dimanfaatkan. Butiran keefisienan penggunaan aplikasi ini boleh dilihat melalui kajian daripada (Ishak et al. 2007) yang menunjukkan bahawa dalam penggunaan aplikasi Kahoot, seramai 86% pelajar yang terlibat dalam kajian mereka bersetuju bahawa pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih efektif. Kajian daripada Mohd. Yusof dan Tahir (2017) juga menunjukkan bahawa aplikasi media sosial dalam pembelajaran atas talian seperti Youtube merupakan aplikasi yang memudahkan pelajar melihat sesuatu perkara secara simulasi dan realistik dan aplikasi tersebut juga merupakan medium yang menempatkan kedudukan ketiga dalam kajian beliau iaitu kepentingan penggunaan media sosial teknologi maklumat dalam pendidikan IPTA. Aplikasi yang lain yang dijelaskan dalam kajian beliau seperti sistem E-Learning, M-Learning, Facebook dan Laman Web Online juga menunjukkan antara penggunaan yang tertinggi dalam pendidikan secara maya. Justeru, pendidikan atas talian yang dilaksanakan kini iaitu semasa musim pandemik ini telah membantu sistem pendidikan negara dalam memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan. Selain itu, kesan penghasilan bahan-bahan interaktif dan aplikasi pembelajaran atas talian secara keseluruhannya menjadikan sektor Pendidikan Islam melakukan transformasi dalam bidang ini menerusi revolusi 4.0 dengan baik dan meluas.

KESIMPULAN

Oleh yang demikian, berikut dengan cabaran guru dan murid dalam menjalani pembelajaran atas talian sepanjang PKP ini telah membuka pelbagai sudut pandangan dan reaksi berkenaan isu-isu yang timbul kesan daripada pandemik COVID-19 ini. Revolusi 4.0 kini dilaksanakan dalam pembelajaran atas talian oleh semua bidang pendidikan temasuklah bidang Pendidikan Islam dimana mampu membuatkan pelajar mendapat info, keterangan, penjelasan dan ilmu dengan mudah dan cepat. Keadaan ini pernah disebut di dalam hadis Rasulullah SAW berdasarkan hadis diriwayatkan oleh at-Tirmizi bahawa suasana suatu zaman yang masanya menjadi singkat, jarak sudah menjadi dekat dan komunikasi pula menjadi lebih rapat (Mohd. Noor bin Omar, 2017).

RUJUKAN

- Azlin Norhaini Mansor. 2020. COVID-19: Cabaran Buat Guru. <https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=1909566> [27 Januari 2021].
- Hashim, F., Rosli, F.F., Elias, F., Mat, M.R.L. & Yusof, C.N.M. 2020. Pengajaran dan Pembelajaran dalam Talian dan Impaknya Terhadap Guru Novis Pendidikan Islam. *Civilizational Studies and Human Sciences BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 3(4): 151–162.
- Ibrahim, S. A., & Zulkifli, H. (2020). Penggunaan Kaedah Circle Time Dalam Meningkatkan Kemahiran Membaca Bacaan Mad Asli Dan Mengenal Mad Asli. *Journal of Educational Research & Indigenous Studies Journal*, 1(1).
- Ishak, H., Nor, Z. M., & Ahmad, A. (2007). dalam Pengajaran Abad Ke-21. 627–635.
- Jafri Malin Abdullah, Wan Faisham Nu'man Wan Ismail, Irfan Mohamad, Asrennee Ab Razak, Azian Harun, Kamarul Imran Musa, Y.Y.L. 2020. A Critical Appraisal of COVID-19 in Malaysia and Beyond. *Malays J Med Sci*. 27(2): 1.
- Mohd. Noor bin Omar. 2017. Cabaran Revolusi Industri 4. <http://www.ikim.gov.my/index.php/2017/11/06/cabaran-revolusi-industri-4/> [31 Januari 2021].
- Mohd. Yusof, M.N. & Tahir, Z. (2017). Kepentingan Penggunaan Media Sosial Teknologi Maklumat dalam Pendidikan IPTA. *Journal of Social and Humanities*, 12(3), 1823-884x.
- Mulatsih, B. 2020. Penerapan Aplikasi Google Classroom, Google Form, dan Quizizz dalam Pembelajaran Kimia di Masa Pandemik Covid-19. *Jurnal Karya Ilmiah Guru* 5(1): 1–11.
- Rafiee Jamian, Nurul Hafizah Zainal Abidin, R. A. (2020). Analisis Deskriptif bagi Penggunaan Aplikasi Quizizz ke atas Guru dalam Penilaian Prestasi Murid bagi Subjek Matematik Descriptive Analysis of the Use of Quizizz Applications on Teachers in Student Performance Assessment for Mathematics Subjects. *Mathematical Sciences and Informatics Journal*, 1(2), 87–97.
- Rashid, A. & Dorashid, A. 2020. Pengangguran dalam kalangan Tenaga Kerja Semasa Wabak COVID-19 Abstrak The Unemployment among Employees during Pandemic COVID-19 Abstract Pengenalan Pengangguran Semasa Wabak COVID-19 . 5(11): 1–9.
- Sharifah Rohayah Sheikh Dawood, M.W.R.& & Som, S.H.M. 2020. Daya Tahan Warga Emas dalam Era Pandemik : Satu Tinjauan Awal Sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Pulau Pinang , Geografi 8(2): 110–128.
- Siti Nurbaizura Che Azizan, N.M.N. 2020. Pandangan Guru Terhadap Pembelajaran dalam Talian melalui pendekatan Home Based Learning (HBL) semasa tempoh Pandemik COVID-19. *Pendeta Journal of Malay Language, Education and Literature* 11(edisi khas): 46–57.
- Xuetao Cao. 2020. COVID-19: immunopathology and its implications for therapy. *Nature Reviews Immunology* 20: 269.